

14/01/1997

PM beri penjelasan mengenai projek MSC

Mustapha Omar in Los Angeles

LOS ANGELES, Isnin - Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat yang bermula hari ini, diharap dapat menarik perhatian rakyat negara ini terhadap projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Sepanjang lawatan ini, Perdana Menteri akan memberi penjelasan lanjut kepada pengusaha industri teknologi maklumat (IT) dan media massa negara ini mengenai projek berkenaan.

Langkah itu perlu kerana banyak pihak, khususnya media massa di Amerika yang tidak faham konsep pengwujudan dan MSC menyebabkan timbul salah faham di kalangan pelbagai pihak.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Othman Yeop Abdullah, berkata melalui penjelasan itu, kerajaan juga berharap dapat mendekati syarikat-syarikat besar yang kebanyakannya menganggotai panel penasihat antarabangsa (IAP) bagi projek MSC.

Setakat ini, 30 syarikat yang terbabit dalam industri IT termasuk dari Amerika Syarikat, bersetuju menjadi anggota panel penasihat itu.

"Bagaimanapun, lima daripada syarikat berkenaan tidak dapat menghantar wakil mereka dalam mesyuarat pertama IAP di Universiti Stanford, San Francisco, Khamis ini," katanya kepada wartawan Malaysia hari ini.

MSC yang ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat (NITC), merangkumi kawasan seluas 750 kilometer persegi dari Pusat Bandar Kuala Lumpur (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Antara ciri utama MSC ialah rangkaian gentian optik 100 peratus digital berkeupayaan di antara 2.5GB dan 10GB, yang disambungkan terus dengan negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Ia juga menawarkan perhubungan melalui satelit dan pembentukan sistem rangkaian padu dihubung terus ke Internet. Turut dibangunkan dalam MSC ialah bandar Putrajaya dan untuk menjelaskan kepada pengusaha IT Amerika mengenai undang-undang siber di Malaysia kerana ada pihak sebelum ini menyatakan kebimbangan terhadap perkara itu.

Othman berkata, mereka berpuas hati dengan cara Malaysia menangani masalah membabitkan jenayah komputer, tetapi mempersoalkan undang-undang negara dalam isu perlindungan harta intelek.

"Selain itu, kita berharap melalui lawatan ini akan wujud kerjasama membabitkan pengusaha industri IT kedua-dua negara bagi memastikan kejayaan projek berkenaan," katanya.

Kira-kira 50 syarikat tempatan yang terbabit dalam industri berkenaan turut serta dalam rombongan kali ini dan mereka dijangka mengadakan pertemuan dengan pengusaha Amerika yang berpotensi dijadikan rakan kongsi.

Ada tiga kategori perkongsian yang digalakkan kerajaan iaitu kedua-dua syarikat mewujudkan kerjasama dan menjadikan MSC sebagai pintu keluar atau pusat pemasaran barangan mereka ke seluruh dunia.

"Syarikat usaha sama itu boleh melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Amerika Syarikat, tetapi kegiatan pengeluarannya di Malaysia, .

"Syarikat berkenaan juga boleh menjadikan Malaysia sebagai pusat kegiatan serantau mereka dengan memindahkan semua kegiatan ke kawasan MSC," katanya.

Othman berkata, dalam bidang sumber manusia, syarikat Malaysia boleh menggunakan kelebihan tenaga mahir yang dimiliki oleh rakan kongsi mereka untuk melatih pekerja tempatan.

( END )